

Headline	SPNB akan bina 1,000 unit lagi RMR1M		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	23 May 2017	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1,2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	Leonard Alaza	AdValue	RM 505
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,515



SPNB akan bina 1,000 unit lagi RMR1M

Leonard Alaza

KOTA KINABALU: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan membina 1,000 unit lagi Rumah Mesra Rakyat (Malaysia) (RMR1M) di Sabah, atas permintaan Kerajaan Negeri bagi membolehkan lebih ramai rakyat Sabah memiliki rumah mampu milik.

Pengerusi SPNB, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata syarikat itu mahu melakukan lebih banyak untuk Sabah dan tidak nampak sebarang masalah untuk memenuhi permintaan itu.

“Ketua Menteri telah meminta kami membina 1,000 unit lagi. Kami tiada masalah untuk memenuhi permintaan ini kerana kami mahu membantu lebih ramai penduduk Sabah memiliki rumah,” katanya selepas mengetuai satu delegasi pegawai-pegawai kanan SPNB untuk melakukan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman di kediaman rasminya di Seri Gaya, Isnin.

Beliau berkata tujuan utama pertemuan itu adalah untuk memberi taklimat kepada Musa mengenai kejayaan syarikat itu menyiapkan 1,000 unit pertama di Sabah.

Beliau mendedahkan bahawa perbincangan itu turut meneroka mengenai bagaimana rakyat Sabah yang tidak mempunyai geran tanah tetap berpeluang untuk memiliki rumah.

Ramai tidak punya tanah

“Ramai orang tidakpun mempunyai tanah atau tanah adat. Sesetengahnya tinggal dalam kawasan rizab kampung. Kami serahkan kepada kerajaan untuk membantu dalam perkara ini memandangkan perkara-perkara berkaitan tanah berada di bawah bidang kuasanya,” katanya ketika menjelaskan bahawa di bawah prosidur SPNB, permohonan perlu mempunyai geran tanah.

Ditubuhkan pada tahun 1997, objektif SPNB adalah untuk menyediakan rumah-rumah berkualiti dan mampu milik bagi keluarga-keluarga di Malaysia, sejajar dengan Objektif Perumahan Negara.

Misinya bukan sahaja untuk membina rumah-rumah mampu milik bagi orang awam di Malaysia tetapi juga menyediakan

rumah-rumah yang berkualiti tinggi dan sebanding tuntutan pasaran melalui budaya cemerlang dan juga untuk menjadi pemaju hartanah yang memainkan peranan dalam tanggung jawab sosialnya.

Abdul Latiff berkata unit RMR1M menelan kos antara RM68,000 dan RM79,000 untuk dibina dengan bayaran bulanan bermula RM290 untuk tempoh 25 tahun.

Permohonan, bagaimanapun, hanyalah untuk kumpulan berpendapatan rendah dengan pendapatan isi rumah kurang RM3,000 sebulan, katanya.

Beliau berkata sebagai sebuah syarikat yang dipacu oleh tanggung jawab sosial dan bukan keuntungan, SPNB telah mempermudah proses permohonan sehingga ke tahap di mana ia tidak perlu memeriksa rekod kredit pemohon.

Matlamat kami adalah untuk membantu rakyat memiliki rumah,” katanya.

Beliau gembira untuk memaklumkan bahawa dari kumpulan pertama 1,000 unit, bayaran balik daripada pemilik rumah sangat baik iaitu pada kadar 86 peratus.

Beliau menambah bahawa Kerajaan Persekutuan memberikan subsidi RM20,000 bagi setiap unit serta peratusan tertentu untuk faedah.

“Inilah sebabnya kenapa kami boleh meletakkan bayaran balik bulanan yang sangat rendah,” jelasnya.

Abdul Latiff memberi jaminan bahawa SPNB akan melakukan lebih banyak bagi Sabah dari segi menyediakan rumah-rumah mampu milik kerana rumah adalah keperluan asas manusia.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, SPNB Mesra Sdn Bhd, Wan Azlan Wan Abdul Rahman berkata campur tangan Kerajaan Negeri dalam perkara berkaitan pemilikan tanah akan banyak membantu syarikat itu untuk membantu rakyat Sabah yang masih belum memiliki rumah.

Bagaimanapun, katanya, sementara proses permohonan kini lebih longgar, individu-individu yang diisytiharkan mufis tidak layak memohon.

Turut hadir ialah Ketua SPNB Kawasan Sabah, Reggie Sua @ Mohd Haffiz dan Pengerusi SPNB Aspirasi Sdn Bhd, Ahri Hashim.